

Keputusan rayuan Najib berjalan seperti diadualkan

UM - 8/12/2021 m/s:10

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Pendengaran keputusan rayuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung sabitan salah dan hukuman atas kesalahan membabitkan penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd akan didengar seperti yang ditetapkan sebelum ini.

Ia berikutan keputusan panel tiga hakim yang diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil dan bersidang bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera sebulat suara menolak permohonan Ahli Parlimen Pekan itu untuk memasukkan keterangan dan bukti baharu dalam rayuannya.

“Selepas mendengar hujah panjang lebar dan meneliti affidavit yang telah difailkan, kami dapati perayu gagal menunjukkan bukti baharu itu adalah perlu dan tiada keperluan istimewa melampau untuk menerima keterangan tersebut. Dengan itu, permohonan perayu adalah ditolak. Pendengaran keputusan esok akan berjalan seperti diadual,” ujar Hakim Abdul Karim.

Mahkamah kemudian memberikan pilihan kepada peguam bela utama Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan Ahli Parlimen Pekan itu sama ada untuk hadir di mahkamah atau mengikuti hadir secara ap-



likasi Zoom.

Muhammad Shafee kemudian menyatakan adalah lebih elok sekiranya peguam dan perayu hadir sendiri di mahkamah dan oleh itu memohon agar pendengaran ditangguhkan.

Tambahnya, sekiranya keputusan esok tidak berpihak kepada mereka, maka pembelaan akan memohon penangguhan pelaksanaan hukuman.

“Esok adalah untuk pendengaran keputusan sahaja,

bukan untuk berhujah. Kami telah mengambil kira keadaan sebegini dan di bawah undang-undang terbaharu, ia membolehkan semuanya dijalankan secara online. Boleh buat hujahan (penangguhan pelaksanaan hukuman) secara online (dalam talian),” kata hakim itu.

Muhammad Shafee kemudian memaklumkan pihaknya dan Najib akan menghadiri prosiding secara Zoom memandangkan status MySejahtera mereka

yang terlibat dengan rayuan tersebut termasuk Najib telah bertukar dari warna biru kepada kuning atau jingga dan tidak boleh memasuki bangunan Istana Kehakiman.

Menurut Seksyen 15A Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman (CoJA) (Pindaan) 2020, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dibolehkan untuk mengendalikan prosiding melalui siaran langsung video atau televisyen atau mana-mana alat komunikasi.

Esok Mahkamah Rayuan boleh memutuskan sama ada mengekalkan sabitan salah dan hukuman yang telah dikenakan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, meminda hukuman yang telah dikenakan atau membatalkan sabitan dan mengetepikan semua hukuman yang dikenakan terhadap Najib.

Pada 28 Julai lalu, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta selepas mendapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana SRC International berjumlah RM42 juta.

Tujuh pertuduhan yang dikenakan terhadap Najib membabitkan tiga pertuduhan pecah amanah jenayah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan menyalahgunakan kuasa melibatkan dana syarikat itu.